

05/07/2003

UiTM nafi buat janji kosong

Norhafzan Jaafar

SHAH ALAM: Universiti Teknologi Mara (UiTM) menafikan membuat janji kosong

untuk menjadikan pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir sebagai salah satu subjek asas dalam kurikulum universiti itu.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata universiti sudah mengambil langkah bersesuaian merealisasikan hasrat itu dan menjangka dapat melaksanakannya tahun depan kerana ia sedang dalam peringkat perancangan supaya pelaksanaannya lebih efektif dan berkesan.

Katanya, UiTM tetap meneruskan usaha menjadikan buku terjemahan Koleksi

Ucapan Dr Mahathir sebagai bahan rujukan di perpustakaan dan pusat sumber

semua fakulti serta kampus cawangannya di seluruh negara.

"Kita sudah membuat pesanan 50 set buku itu selepas majlis pelancarannya

13 Mei lalu. Bagaimanapun sehingga kini, kita belum menerimanya daripada pengedar Utusan Publications and Distributors," katanya pada sidang media

selepas menerima anugerah Ijazah Sainifik Doktor Kehormat Ekonomi Institut Kewangan Tashkent, di sini semalam.

Anugerah disampaikan Timbalan Menteri Pendidikan Khusus Menengah dan Tinggi Republik Uzbekistan, Mukhammad Ali Khakimovich Saidov.

Dr Ibrahim berkata demikian bagi menafikan dakwaan beliau tidak mengambil sebarang tindakan selepas berjanji ketika pelancaran buku yang diusahakan secara bersama Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) dan UiTM. Majlis itu turut dihadiri Perdana Menteri.

Dakwaan itu dibuat bekas Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk

Prof Dr Firdaus Abdullah dalam artikelnya yang disiarkan akhbar bahasa Melayu tempatan pada Khamis lalu.

Artikel itu turut mendakwa UiTM sehingga akhir bulan lalu tidak membuat

sebarang tempahan buku daripada Utusan Publications & Distributors.

Dr Ibrahim berkata, sejak sekian lama UiTM sudah menerapkan aspek pemikiran dan minda Dr Mahathir melalui beberapa subjek tertentu menggunakan buku seperti Malay Dilema.

"Sejak 1976 buku pemikiran Dr Mahathir menjadi rujukan utama fakulti tertentu seperti Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang, manakala Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media pula menggunakannya untuk subjek Politik Asia," katanya yang kesal dengan dakwaan tidak berasas itu.

Sebagai membuktikan kesungguhan UiTM, universiti itu kini sudah memasuki

peringkat akhir usaha pengstrukturkan semula dengan memberi penumpuan terhadap bidang akademik yang mengambil kira pemikiran dan gagasan Dr Mahathir.

Katanya, melalui usaha itu, UiTM bakal mencatat sejarah kerana buat pertama kalinya membuat perubahan membabitkan penetapan falsafah, visi dan

misinya berdasarkan pemikiran Dr Mahathir.

"Penstrukturan semula ini tidak lari daripada pemikiran Dr Mahathir, termasuk pandangan beliau mengenai permasalahan negara dan orang Melayu serta cita-citanya," katanya.